

**KAJIAN EMOSI DALAM KESUSASTERAAN MELAYU: SUMBANGAN
KEPADA PENGHAYATAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN
[ANALYSIS OF EMOTIONAL IN MALAY LITERATURE: A
CONTRIBUTION TO THE APPRECIATION OF THE NATIONAL
EDUCATION PHILOSOPHY]**

Azhar Hj.Wahid & Nordiana Bt. Hamzah*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*azwahid@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini memberi sorotan tentang kajian emosi dalam Kesusasteraan Melayu: Sumbangan kepada penghayatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Konteks perbincangan ini dapat dilihat melalui definisi emosi dan hubungan kajian emosi dalam Kesusasteraan Melayu, secara khusus melihat sumbangan emosi dalam FPK. FPK menekankan aspek emosi untuk melahirkan individu yang berpotensi dan seimbang. Sejalan dengan itu, aspek kecerdasan emosi harus dilihat dalam karya kesusasteraan (aplikasi teks Zaharah Nawawi). Hasil penulisan membuktikan kecerdasan emosi terakam dalam karya kesusasteraan namun, para pelajar harus dilatih oleh guru untuk membina kecerdasan emosi. Penulisan ini menunjukkan kajian emosi dalam kesusasteraan Melayu memberikan sumbangan untuk melahirkan pelajar yang sihat daripada segi mental dan jasmani.

Kata Kunci: Emosi, Fisiologi, Kecerdasan emosi, Domain, Inovasi

ABSTRACT

This research paper focuses on emotion in The Malay Literature: Contributions towards the Expression of National Education Philosophy (FPK). The context of discussion is the definition and analysis of emotion in relation to the Malay Literature to specifically understand its role in FPK. FPK stresses emotional aspects in order to produce a balanced and potential individual. Hence, emotional intelligence should be considered in literary texts (application of texts by Zaharah Nawawi). The paper 22 reveals the inherent existence of emotional intelligence in literary texts but students must be trained to develop these emotional intelligence. This paper also shows that emotional analysis in literary texts contributes to producing students who are healthy, both mentally and physically. Keywords: Emotional, Fisiological, Emotional intelligence, Domains, Inovation

PENGENALAN

Pengaruh emosi amat besar dalam kehidupan saya. Pengalaman emosi dan impaknya dalam buku-buku cerita yang dicipta oleh pengarang telah menambat hati perjalanan emosional kehidupan pengkaji. Sejak zaman kanak-kanak lagi, pengkaji sering terperangkap dengan dunia emosi watak-watak yang tergambar dengan secara mendalam dan terperinci dalam buku-buku fiksiyen. Dalam buku-buku fiksiyen, emosi sentiasa dieksploitasikan oleh pengarang, didedahkan, dinikmati, dipersoalkan, dihakimi dan penciptaan karakter jauh lebih bersemangat daripada individu yang ada di sekeliling Pengkaji. Pengkaji teruja kerana emosi mewarnai kehidupan saya. Namun, apabila emosi yang dijelmakan oleh pengarang penuh dengan kemurungan, kesedihan, kealpaan, natijahnya perasaan sedih yang berpanjangan akan muncul di hati pengkaji. Begitu dasyatnya kesan emosi kepada pembaca yang mencapai rasa karya. Justeru, amat penting bagi seseorang individu itu mengetahui cara-cara untuk menguruskan emosi. Dalam makalah ini dibincangkan aspek emosi dalam kesusasteraan Melayu

dan sumbangan emosi dalam penghayatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Emosi dalam Kesusasteraan Sejak tahun 1960-an dan tahun 1970-an, pandangan dalam bidang falsafah, psikologi dan sains kognitif telah menyedari emosi ialah sejenis kepercayaan. Pelbagai makna emosi dirakamkan. Menurut Lazarus (1991) dan Ortony et.al (dalam Andrew A.G.Ross, 2006:200), setiap emosi memberikan sumbangan kepada sesuatu penilaian ataupun dipanggil appraisal menerusi struktur kognitif yang berbeza. Lazarus (1984) menambah lagi bahawa beberapa individu hanya memperluas definisi mereka tentang kognitif untuk memasukkan pemprosesan bawah sedar, manakala menurut Oatley dan Johnson Laird (1987) individu yang lain berpendapat bahawa emosi ialah sesuatu yang kognitif tetapi bukan kenyataan dan tidak melibatkan peringkat yang lebih tinggi daripada kognitif (Dlm. Andrew A.G.Ross, 2006:200).

Secara am, emosi ialah perasaan atau komponen efek dalam tingkah laku manusia. Kata emosi berasal daripada kata akar *move* (Latin), bererti ‘menggerakkan, bergerak’, ditambah awalan “e” untuk memberi erti “bergerak menjauh”. Secara harafiahnya, emosi diertikan setiap kegiatan atau pergolakan fikiran, perasaan, nafsu, setiap keadaan mental yang hebat atau meluap-luap (Ab. Aziz Yusof, 2007:164). Maksud emosi dalam bahasa Arab pula dapat disepadankan dengan kata *qalb*, yang berasal dari kata akar *qalaba* secara tersurat bererti ‘merubah, membalikkan dan menjauhkan’ (M. Darwis Hude, 2006:xii). Richard S. Lazarus (M.Darwis Hude, 2006:16) telah memberikan definisi emosi sebagai berikut:

Emotion: Differently described and explained by different psychologist, but all agree that is a complex state of the organism, involving bodily changes of a widespread character in breathing, pulse, gland secretion, etc.-and, on the mental side, a state of excitement or perturbation, marked by strong feeling, and usually an impulse towards a definite form of behavior. If the emotion is intense there is some disturbance of the intellectual functions, a measure of dissociation, and a

tendency towards action of an ungraded or protopathic character. Beyond this description anything else would mean an entrance into the controversial field.

Menurut Lazarus, ahli psikologi berbeza dalam memberikan maksud emosi tetapi mereka bersetuju bahawa emosi ialah satu bentuk yang kompleks daripada organisma yang melibatkan perubahan badan kesan daripada tabiat manusia yang luas seperti dalam bernafas, denyut nadi, pengeluaran kelenjar, dan sebagainya. Tambahan Lazarus lagi, daripada sudut mental, emosi ialah suatu keadaan dalam kegembiraan atau kecemasan yang dapat ditandai oleh perasaan yang kuat dan biasanya rangsangan menuju sesuatu bentuk tingkah laku. Malah, jika emosi itu lebih kuat lagi terhadap fungsi intelektual yang menjadi pengukur pemisahan diri dan suatu keinginan kepada tindakan yang bersifat tidak baik di luar deskripsi, hal-hal lain akan bererti masuk ke dalam bidang yang kontroversi. Mersino Anthony (2007) telah memetik definisi emosi yang terdapat dalam The American Heritage Dictionary tentang maksud emosi seperti berikut:

A mental state that arises spontaneously rather than through conscious effort and is often accompanied by physiological changes; a feeling: the emotions of joy, sorrow, reverence, hate and love.

(Mersino Anthony, 2007:20)

Daripada pernyataan di atas, dijelaskan mental adalah satu keadaan mental yang timbul secara spontan dan bukan dalam sedar. Keadaan mental ini sering diikuti dengan perubahan fisiologi dan perasaan iaitu emosi kegembiraan, kesedihan, rasa hormat, rasa benci dan rasa cinta. Menurut Mersino (2007), David E. Carlson dalam bukunya Counseling and self esteem, telah menggunakan pendekatan enam emosi dasar untuk mewakili kumpulan emosi. Kumpulan emosi dasar tersebut telah disusun dalam bentuk

akronim iaitu SASHET yang membawa maksud, sad, angry, scared, happy, excited and tender.

Perkataan emosi menunjukkan penekanan apabila berada jauh dari pusat roda. Terdapat tiga kumpulan emosi negatif iaitu sad (sedih), angry (marah) dan scared (takut). Terdapat juga tiga kumpulan emosi yang positif iaitu happy (bahagia), excited (gembira), dan tender (lembut). Emosi-emosi ini sentiasa ada pada diri kita dan persekitaran kita. Walaupun kadang kala seseorang individu akan dibelenggu emosi negatif tidak semestinya individu itu akan menjadi negatif. Dengan kemahiran mengawal emosi, secara tidak langsung, emosi yang negatif boleh dimotivasikan (Mohd Azhar Abd. Hamid, 2004:2).

Perbincangan emosi menurut Afifi Ahmad (2005:81) dan Martin Wijokongko (2011:16) telah membincangkan bentuk-bentuk emosi manusia seperti emosi positif dan emosi negatif. Menurut beliau, semua manusia mempunyai kedua-dua emosi ini dan individu perlu mengawal kedua-dua aspek emosi agar sentiasa bertindak rasional. Sebagai orang Islam, cara-cara terbaik mengawal emosi adalah dengan keimanan. Keimanan ialah kekuatan dalaman yang dapat mengawal kewarasan perasaan dan fikiran. Orang yang mempunyai keimanan yang tinggi tidak akan dikalahkan dengan emosi yang negatif. Beliau juga telah menyatakan seseorang pengarang yang berjaya menulis dengan berkesan ialah seorang yang pandai mengolah emosi dalam penceritaan. Ab. Aziz Mohd Zin (1999) menyebutkan manusia mempunyai pelbagai emosi seperti emosi marah, emosi sedih, emosi berdukacita, emosi cinta dan emosi kasih.

Daripada pandangan kesemua sarjana ini, dapat disimpulkan bahawa emosi ialah suatu perasaan yang terjadi disebabkan oleh tindak balas fisiologi yang melahirkan pelbagai bentuk perasaan berdasarkan peristiwa yang terjadi di persekitaran mereka. Apabila terjadinya sesuatu emosi, individu akan mengekspresikan emosi dalam bentuk perasaan sama ada gembira ataupun sedih. Pelakuan yang ditunjukkan juga terbahagi kepada dua, iaitu sama ada secara lisan ataupun secara ekspresi wajah dan anggota badan yang lain. Namun, kadangkala seseorang yang

terlalu gembira juga boleh mengalirkan air mata. Oleh itu, emosi bersifat subjektif dan sukar diramalkan.

Sehubungan dengan itu, apabila membaca karya-karya kesusasteraan, pembaca berharap agar dapat merasakan pengalaman emosi dalam pembacaan. Menurut Johnson Laird dan Keith Oatley (Dalam Micheal Lewis, Jeanette M.Haviland-Jones & Lisa Feldman Bare, 2008:108), kita dapat merasakan keindahan emosi yang terjadi hasil tindak balas daripada emosi yang terlibat dalam karya sastera. Cupchik (2002) juga menegaskan keindahan emosi bergantung kepada penilaian tentang keindahan dalam penggunaan bahasa. Hal ini menyebabkan khalayak pembaca merasa terpenggil untuk menikmati keindahan dalam hasil kerja pengarang (dalam Micheal Lewis, Jeanette M.Haviland-Jones dan Lisa Feldman Bare, 2008:108). Dalam mengungkapkan emosi, pengarang harus berusaha untuk memanipulasi kebenaran rasa atau *shidq al athifah*, iaitu rasa atau emosi ini akan memberikan nilai yang kekal dalam karya pengarang. Kebenaran rasa dalam karya dapat dicapai oleh pengarang yang berpegang kepada *quwwah al-athifah* atau kekuatan rasa (Faisal Tehrani, 2008:64). Justeru, pembaca akan terpenggil untuk melakukan perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan akibat kesan rasa yang terdapat dalam karya.

Othman Puteh (2001:5) menyatakan salah satu syarat untuk menulis novel memerlukan konflik dalam penceritaan. Pengarang harus memberikan kesempatan kepada watak utama untuk mengalami kekecewaan, tekanan emosi, dan terjebak dalam pelbagai bahaya. Aspek latar juga memainkan peranan kerana mempunyai fungsi psikologi atau kejiwaan kerana aspek ini berupaya menimbulkan makna tertentu dan mampu menciptakan suasana tertentu. Latar juga berkeupayaan untuk menggerakkan emosi ataupun aspek kejiwaan pembaca (1999:35). Penyataan ini jelas menunjukkan bahawa tekanan emosi ini amat penting diwujudkan dalam diri watak dan aspek latar psikologi juga penting agar penulisan pengarang lebih meyakinkan dan dapat menarik hati khalayak pembaca.

Hubungan emosi dalam kesusasteraan pula telah diberikan beberapa hipotesis dalam penulisan Johnson Laird dan Keith Oatley. Hipotesis yang pertama ialah kesusasteraan boleh mencorakkan emosi kerana pembaca menerima watak protagonis dan menolak watak antagonis. Pengarang telah melengkapkan penceritaan yang membantu pembaca untuk membina set pemikiran dinamik yang dapat merangsang dunia dalam watak dan interaksi antara watak. Hal ini sejajar dengan dengan tahap persediaan pengarang dalam penulisan kreatif oleh Graham Wallas (Dlm. Othman Puteh,1999:111) yang menyatakan fasa persediaan ialah fasa pengarang menghimpun 27 . segala maklumat berkaitan dengan emosi. Emosi pengarang tepu dengan keinginan melaksanakan sesuatu. Freud (1905-1906/1985) (dalam Micheal Lewis, Jeanette M.Haviland-Jones dan Lisa Feldman Bare,2008:108), menambah lagi bahawa pembaca akan merasakan simulasi peristiwa itu apabila para pembaca mengenal pasti watak-watak dalam cerita. Konflik watak yang bercampur mempunyai emosi positif dan emosi negatif (Mana Sikana, 1998:159). Apabila, berlaku sesuatu pada watak menyebabkan para pembaca mengalami emosi. Namun emosi yang muncul ini, berpunca daripada cerita rekaan pengarang semata-mata. Inilah yang dikatakan emosi dalam kesusasteraan.

Hipotesis kedua dalam hubungan emosi dalam kesusasteraan ialah sastera membantu pembaca merasai emosi watak-watak dalam cerita. Penyataan ini boleh dibuktikan melalui Kesusasteraan Masyarakat India seperti Abhinavagupta. Abhinavagupta telah memberikan penjelasan emosi melalui watak aktor dalam drama, menampakkan ekspresi wajah, isyarat, intonasi suara dan kandungan dialog menyebabkan emosi terjadi. Sebagai contoh apabila seseorang aktor menunjukkan kegembiraan ataupun kemarahan, penonton turut juga merasa gembira dan marah (dalam Micheal Lewis, JeanetteM.Haviland-Jones dan Lisa Feldman Bare, 2008:108). Kesan emosi ini bersamaan dengan Teori Rasa yang salah satu aspeknya mementingkan kesan dan akibat (Sohaimi Abd Aziz, 1998:46). Rasa ialah salah satu unsur yang akan membentuk satu-satu karya sastera. Rasa atau emosi adalah

keadaan batin yang kuat dan boleh mendorong pembaca untuk melakukan sesuatu hasil daripada kegembiraan, kesedihan, perasaan terharu dan perasaan berani (Faisal Tehrani, 2008:59).

Menurut Johnson Laird dan Keith Oatley (dalam Micheal Lewis, JeanetteM.Haviland-Jones dan Lisa Feldman Bare, 2008:109), hipotesis ketiga emosi dalam sastera ialah emosi bergantung kepada pengalaman peribadi seseorang individu. Dalam pembacaan sesebuah karya sastera, seseorang pembaca boleh mengalirkan air mata atas peristiwa kematian yang menimpa watak utama kerana dalam kehidupan pembaca itu sendiri pernah mengalami kehilangan orang yang tersayang. Dalam hal ini, fenomena ini boleh dihubungkan dengan pengalaman bawah sedar pembaca itu meronta-ronta dan pembaca dikuasai oleh alam batinnya sendiri menurut Freud (Mana Sikana, 1998:158). Kesimpulannya, tiga hipotesis ini menyatakan emosi dalam sastera boleh dialami oleh pembaca yang menikmati keindahan karya serta menikmati bersama pengalaman estetika seseorang pengarang.

Penghayatan Emosi dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) diaspirasikan untuk mencapainya matlamat pendidikan negara sebagai salah satu inisiatif untuk mewujudkan warganegara yang mempunyai keseimbangan dan kesepaduan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sejajar dengan aspirasi negara dan kepatuhan kepada Tuhan (Mohd Ismail Othman,2008:3). Secara jelas, kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha secara berterusan ke atah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan

terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

(Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, 2003:vii)

Menyedari hakikat inilah, pembinaan kurikulum Kesusasteraan Melayu yang digubal telah memberikan fokus kepada hasil pembelajaran yang perlu dikuasai murid. Hasil pembelajaran ini berteraskan aspek sastera melalui teks yang dikaji serta disepadukan dengan elemen perisian kurikulum (Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, 2003:3). Elemen kecerdasan emosi disisipkan secara langsung dalam genre sastera yang terdiri daripada prosa dan puisi. Justeru, guru perlu memperkasakan kecerdasan emosi pelajar supaya mereka memiliki kecerdasan intelek yang seimbang dengan kecerdasan emosi kerana kecerdasan intelek sahaja tidak dapat menjamin kecemerlangan individu itu apabila berhadapan dengan kehidupan realiti kelak (Abdullah Sani Yahaya *et.al.*, 2007:14).

FPK menekankan elemen emosi kerana amat penting untuk memiliki emosi yang stabil dan tenteram. Ciri ini perlu dimiliki dalam menangani ancaman kehidupan semasa yang penuh dengan perlumbaan serta nilai-nilai kemanusiaan yang semakin terhakis. Emosi yang stabil akan memungkinkan seseorang pelajar bersedia menghadapi zaman yang akan datang dan menurut Jafni (1987), emosi mampu menyuburkan trait personaliti yang dapat membebaskan diri daripada belenggu keresahan, ketakutan, tekanan, rasa benci, tidak amanah, dengki, prasangka dan emosi-emosi negatif yang lain (Dalam Sufean Hussin *et al.*, 2005: 234).

Belakangan ini, masyarakat sering digemparkan dengan isu kejahatan sosial dalam kalangan pelajar. Walaupun isu ini bukannya suatu yang luar biasa, namun statistik menunjukkan peningkatan gejala sosial dalam kalangan pelajar meningkat dari tahun ke tahun. Justeru, menurut A.Ghani Abdullah (2009:93) antara faktor yang difikirkan begitu banyak mempengaruhi gejala ini adalah berpunca daripada ketidakseimbangan perkembangan emosi dan rohani dalam kalangan pelajar.

Pendapat ketidakseimbangan emosi ini disokong oleh beberapa penyelidik seperti Dilip Murkerjee (2002) yang menyatakan, tahap kecerdasan emosi yang rendah menjadi punca berlakunya masalah tekanan, kemurungan, gejala neurosis serta Meyer & Cobb(2000), berpendapat tiada pengurusan emosi menyebabkan kepada salah laku seks dan pengambilan alkohol serta tabiat merokok yang berlebihan (Dalam A.Ghani Abdullah, 2009:93). Faktor penguasaan emosi negatif dalam pemikiran juga menyebabkan seseorang individu itu tidak akan memperoleh hasil yang maksimun dalam apa-apa pekerjaan yang dilakukannya (Hery Wibowa, 2007:40.)

Justeru, sekolah sebagai medan untuk merealisasikan FPK, harus memikirkan aspek emosi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Peranan pendidik amat penting kerana pendidik bertanggungjawab sebagai pengasuh, kaunselor, pengadil, polis, pelakon, hakim, pelakon, kerani, jururawat, pensyarah, penulis, pekerja sosial dan banyak lagi (Azizi Yahya, 2008:157). Pengurusan emosi oleh para pendidik adalah penting dan kemahiran ini memerlukan pengetahuan tentang cara-cara menguruskan emosi kerana emosi ialah sejenis kecerdasan sama seperti kecerdasan intelek.

Istilah kecerdasan emosi telah dicipta oleh dua orang pakar psikologi, iaitu Peter Salovey dari University Yale dan John Mayor dari Universiti New Hampshire pada tahun 1990. Konsep kecerdasan emosi menjadi semakin popular dengan terhasilnya buku *Emotional Intelligence* (1990). Menurut Salovey dan Mayer (1993), kecerdasan emosi merupakan jenis kecerdasan sosial yang melibatkan kebolehan untuk mengawal emosi diri sendiri dan emosi orang lain untuk membezakan kalangan mereka dan menggunakan maklumat tersebut untuk melakukan tindakan. Beliau juga menegaskan bahawa kecerdasan emosi terbahagi dua bahagian, iaitu interpersonal dan intrapersonal. Aspek ini melibatkan empat kelebihan yang utama, iaitu mengenal pasti emosi, menggunakan emosi, memahami emosi dan mengawal emosi. Kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang (Dalam Ab. Azizi Yusof, 2009:184).

Menurut Cherniss dan Goleman (2001) pula menjelaskan bahawa kecerdasan emosi merupakan satu ukuran yang menentukan tingkat kejayaan seseorang. Biasanya halangan untuk berjaya adalah bergantung kepada halangan yang berpunca daripada emosi seseorang. Goleman (1995) mendapati darjah kepintaran (IQ) hanya menyumbang kira-kira 20 peratus kejayaan seseorang, manakala 80 peratus lagi adalah pada kemampuan seseorang mengawal emosinya (Dalam Abdullah Sani et al., 2007:123 dan Salhah Abdullah, 2009:3).

Salovey dan Mayer (1990) menjelaskan bahawa kepintaran emosi mempunyai kesan ke atas tingkah laku , kepuasan kerja dan pembuatan keputusan di tempat kerja. Kajian yang dijalankan oleh Dulewicz dan Higgs (2000) ke atas 100 orang pengurus di beberapa tempat kerja terpilih mendapati bahawa kecerdasan emosi mempunyai pengaruh ke atas kejayaan sesuatu pekerjaan (Dalam Ab. Azizi Yusof, 2009:184). Hal ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Johnson dan Indvik (1999) yang menerangkan bahawa individu yang mempunyai pengurus yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi boleh meningkatkan keuntungan yang tinggi di tempat kerja. Perkara ini disebabkan kewibawaan pengurus tersebut mengurus para pekerjanya (Mersino Anthony, 2007:23).

Justeru, kecerdasan emosi amat diperlukan dalam kehidupan seseorang untuk menangani konflik dalam kehidupan yang serba mencabar pada masa ini. Jelas sekali, kecerdasan emosi ialah salah satu cara peredaan tekanan mental dalam bentuk kerohanian kerana hanya individu yang bijak emosi sahaja yang boleh mengawal emosi mereka. Sejajar dengan itu, dalam kecerdasan emosi terdapat lima domain (Goleman,1996) yang telah diperkenalkan; pertama mengenali emosi sendiri, iaitu bagi seseorang yang mempunyai Kecerdasan Emosi melalui kemahiran sendiri akan memahami emosinya. Dengan adanya kesedaran sendiri ini, maka seseorang itu dapat menguasai emosi dan fikiran tentang emosi itu. Kedua, mengurus emosi sendiri. Apabila berlaku sesuatu yang menyebabkan kita berasa marah, sudah tentu emosi marah akan muncul. Namun dengan kemahiran mengurus emosi

sendiri, emosi marah tadi boleh ditumpulkan dengan cara memikirkan kembali rangsangan emosi tadi, mencabar fikiran yang mencetuskan emosi marah itu dan mengalih tumpuan masalah (Sohaimi Abdul Aziz, 1998:19.). Ketiga, memotivasikan emosi negatif, iaitu dalam motivasi diri, seseorang itu perlu menangani dan mengatasi emosi negatif berdasarkan beberapa tahap seperti mengenal pasti emosi negatif yang terdapat dalam diri. Seterusnya memahami emosi negatif itu dan cuba menggunakan emosi positif untuk mengatasi emosi negatif (Sharifah Akmam Syed Zakaria, 2005: 151). Akhirnya, individu harus memikirkan strategi untuk mengatasi emosi negatif tersebut dengan mengenali emosi orang lain. Menurut Hery Wibowo (2007:43), mengenali emosi orang lain ialah sikap empati terhadap orang lain. Empati ialah kemampuan untuk merasakan apa yang dirasakan oleh orang lain, memahami perspektif mereka, menumbuhkan hubungan saling percaya, dan menyesuaikan diri dengan bermacam-macam karakter orang lain. Di samping itu, seseorang individu perlu mengendalikan perhubungan, iaitu kemampuan untuk menangani emosi dengan baik ketika berhubungan dengan orang lain serta berhati-hati apabila berhubungan dengan orang lain. Secara tidak langsung, kecerdasan emosi ini dapat menjalinkan perhubungan yang positif. Kecerdasan Emosi dalam novel-novel Zaharah Nawawi Mengikut Goleman (1995), kecerdasan emosi dapat dilihat melalui lima elemen atau pendekatan iaitu kesedaran sendiri ataupun kemahiran mengenali emosi sendiri, pemantauan diri (kemahiran mengurus emosi sendiri), dorongan diri (kemahiran memotivasikan emosi negatif), empati (mengenali emosi orang lain), dan kemahiran bersosial (kemahiran mengendalikan perhubungan). Namun, guru haruslah memainkan peranan penting dalam menyemai kemahiran kecerdasan emosi kepada pelajar. Oleh itu, beberapa buah novel Zaharah Nawawi yang terpilih digunakan untuk menganalisis kecerdasan emosi yang dapat memberikan sumbangan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan berdasarkan setiap domain kecerdasan emosi. Domain Kesedaran Kendiri Kemahiran mengurus emosi sendiri ialah kunci kepada kecerdasan emosi. Penilaian ini dapat dikaitkan secara realistik kepada

kebolehan dan keyakinan diri yang dimiliki oleh seseorang individu. Justeru, kesedaran diri didefinisikan sebagai kebolehan mengenal pasti, mengetahui dan mengiktiraf emosi. Selain itu, keupayaan mengawal perasaan bagi pemahaman berkaitan psikologi dalam diri seseorang terdapat dalam kategori ini. Tanpa kesedaran sendiri, bermakna individu itu tidak mampu membina makna hasil daripada tindakan dan reaksinya kepada persekitaran. Dalam kesusasteraan, keupayaan ini dilihat menerusi novel melalui interaksi watak-watak dan tindakan watak-watak yang menggambarkan emosi marah sedih, emosi negatif dan sebagainya;

‘Hello.’ “Adzie!Ini Kak Shidah ni!” Suara wartawan Rashidah Ahmad benar-benar dikenalnya. “Apa khabar Adzie?” “Kak Shidah! Hai !Apa khabar!Adzie baik saja biarpun lutut dan hati nurani terasa lemah!Terasa layu!” “Kenapa Adzie? Adzie tak sihat?” “Bukan sebab tak sihat.” “Kerana cerita Adzie sudah kena skop wartawan Hari ini?” Rashidah meneka. Suara ketawanya mengekori di hujung kata-kata. “Adui! Sakitnya hati dan mata ini. Celik pagi-pagi suratkhbar nampak pula hak kita dicuri orang!” “Betul juga. Maafkah Zi, Kak Shidah. Zi agak emosional pagi ini.” “Begitu juga waktu Kak Shidah kena rompak dahulu. Kita memang tidak dapat mengelak untuk menjadi orang yang paling emosional.”

(Selamat Datang Adzie Farahah, 1988: 25)

Adzie berada dalam pengaruh emosi negatif kerana mendapati bahan beritanya telah disiarkan oleh wartawan Hari ini. Emosi sedih dialami Adzie kerana ideanya telah dicuri orang lain. Emosi geram dialami Adzie kerana mendapati bahan ideanya menjadi berita surat khabar Hari ini. Emosi marah pula dialami oleh Adzie kerana percampuran emosi sedih dan emosi geram. Di samping itu, Adzie dikuasai emosi negatif kerana rakan wartawan Hari ini telah mencuri bahan beritanya.

Begitu juga yang digambarkan dalam novel *Hujan Sudah Teduh*, Esah dikuasai oleh emosi negatif, iaitu malu kerana menyebut perkataan yang kurang baik (perkataan khinzir) kerana binatang itu baru sahaja menyelongkar tanah di sebelah rumahnya. Di samping itu, beliau ikhlas menyatakan sebab-sebab dia mengucapkan perkataan yang kurang baik.

“Sebenarnya, aku tersebut perkataan yang kurang baik tu, sebab baru petang semalam aku melihat binatang itu menyelongkar tanah mencari cacing di sebelah rumah aku. Aku masih teringat-ingat warnanya. Ternampak-nampak lagi gayanya menyondol tanah dengan mulut.” Esah tersipu-sipu malu memberi alasan menangkis.

(Hujan Sudah Teduh, 2004:48)

Domain Pemantauan Kendiri Peraturan dalam diri dikawal oleh emosi. Peraturan ini melibatkan pengurusan dalam diri, bisikan hati dan akal yang dilakukan melalui pemantauan kepada dirinya sendiri. Elemen pemantauan kendiri dalam kecerdasan emosi termasuklah mengawal diri, meneliti, penyesuaian diri, dan inovasi. Pemantauan kendiri juga ialah aspek kebolehan individu bagi menentukan hala tuju serta kebolehan bagaimana sesuatu perkara itu boleh berlaku dan seterusnya mampu membuat keputusan sendiri. Justeru, elemen kecerdasan emosi ini dapat dilihat melalui petikan; “Saya akan menangis apabila tiba masanya nanti.” Aku meyakinkannya. Ketika keyakinan itu kulemparkan, angin keras kembali menyesak dada. Aku menelan pilu-dara yang amat sangat, sehingga tenggorok terasa berpasir, pedih dan luka. Aku cuba menahan air mata daripada gugur. Ingatan lain menerpa benakku. Sewaktu arwah nenek meninggal, ibu menangis tidak berhenti. Pak imam memberitahu ibu supaya jangan menangis berlebih-lebihan sekiranya ibu menyayangi nenek.” (Haruman Kencana, 2007: 334) Kecerdasan emosi yang dapat dikesan ialah membezakan antara perbuatan atau tindakan yang dilakukan mengikut emosi dan fikiran. Dalam Haruman Kencana,

digambarkan Kencana sewaktu berhadapan dengan situasi kemalangan yang menyebabkan kehilangan Dominique, (yang dianggap seperti ibunya) cuba menahan perasaan sedih kerana tahu perasaan sedih itu akan menyeksa jiwa Dominique. Kencana dapat mengawal emosi sedih seperti berasa pedih dan luka dengan menggunakan fikiran dan bukannya emosi semata-mata. Jika tiada kecerdasan emosi sudah tentu watak Kencana tidak mampu mengawal emosinya dan akan menangis sekuatkuatnya. Kini dapat kurasakan, tangisanku hanya akan tambah menyeksa roh Dominique yang waktu itu mungkin itu sedang berada di sampingku. Kugenggam kedua-dua belah tangan sekuat hati. Kupejamkan mata serapat mungkin. Titis jernih yang cuba kututup dalam kelopak yang bertaut erat mengalir keluar daripada kedua-dua hujung sisi, lalu pelipisku terasa basah. (Haruman Kencana, 2007:335) Elemen kecerdasan emosi daripada petikan di atas adalah mengenal pasti kesan yang diperoleh akibat daripada tindakan yang mengikut perasaan dan Kencana tahu bahawa tindakan menangis hanya akan menyeksa roh Dominique. Walaupun dia cuba menahan tangisannya, namun air matanya mengalir juga. Di dalam bilik air yang separuh dari ketinggian dindingnya dihiasi batu ubin cantik berbunga. Dia membayangkan wartawan perompak berada di situ. Di hadapannya. Kemudian sumpah seranahnya diluahkan sebanyak-banyak dan senyaring-nyaringnya sehingga dia merasa cukup puas dan letih

(Selamat Datang Adzie Farahah, 1988:27)

Seterusnya, elemen kecerdasan emosi yang membezakan antara perbuatan atau tindakan yang dilakukan mengikut emosi dan fikiran. Adzie menyumpah dan memarahi wartawan yang mencuri ideanya dengan cara membayangkan wartawan tersebut berada di hadapannya. Tindakan Adzie adalah mengikut fikiran kerana jika dia memarahi wartawan itu secara berhadapan sudah pasti Adzie akan mengeruhkan keadaan. Adzie juga harus berimajinasi memarahi wartawan tersebut untuk melegakan perasaan sakit hatinya kepada wartawan tersebut;

“Suatu pelajaran baru,”katanya perlahan sambil mencapai tuala mandi sebaik gagang diletakkan. “Suatu psikologi yang menarik untuk cara mengubat kesengsaraan hati seseorang wartawan apabila ideanya dirompak,” tambahnya sambil membuka pintu bilik air. Dan dia dapat merasakan, selepas itu dia semakin tertarik dengan dunia kewartawanan. Pencurian yang pertama tidak mematahkan semangatnya. Tidak juga menjadikan perasaannya hambar tawar lalu mengundur diri dari bidang yang agak asing, yang baharu hendak diceburinya itu.

(Selamat Datang Adzie Farahah, 1988:26)

Domain Dorongan Diri Dorongan diri melibatkan kawalan kecenderungan emosi yang dapat memandu ataupun memudahkan pencapaian matlamat dan kejayaan seseorang. Dorongan pencapaian dan komitmen yang optimis serta inisiatif yang berterusan ialah kunci dalam menentukan motivasi dalam diri seseorang. Motivasi dalam diri pula didapati mempengaruhi fikiran seseorang bagi melakukan sesuatu kerana adanya keinginan dalam diri bagi mencapai sesuatu kejayaan. Digambarkan; 36 . “Percayalah. Itu bukan tunjuk perasaan yang pertama dan terakhir. Biar pun pihak British sudah berjaya mendapatkan apa yang dikehendakinya dengan cara tipu helah dan ugutan, orang Melayu tidak akan berdiam diri.” Ramlah dengan bersemangat mencuba meyakinkan Mariam, malah sebenarnya dia mahu meyakinkan dirinya sendiri.

(Anugerah, 1995:21)

Terdapat elemen kecerdasan emosi optimis yang menaruh harapan kepada usaha-usaha yang dilakukan, iaitu Ramlah bersikap optimis kerana mahu meyakinkan dirinya sendiri. Ramlah

bersikap sedemikian rupa kerana berasa kecewa dengan pihak British yang telah berjaya mendapat tanda tangan sultan secara tipu helah dan ugutan. Namun harapan Ramlah orang Melayu akan bangkit dan tidak akan berdiam diri. Malah Ramlah juga cuba mempengaruhi Mariam supaya sependapat dengannya supaya bersikap optimis; Nasibnya memang baik, kerana diterima menjadi kerani dalam sebuah pejabat perdagangan. Siang Sheirin bekerja, malam ia menyambong semula pelajarannya yang terbangkalai itu. Ia tidak pernah berpuas hati dengan apa yang ada. Dan dengan gajinya sebagai seorang kerani di Bandar kechil Seri Setia itu juga, ia membantu kehidupan kedua-dua orang tua dan adek2nya Bakti dan Kintan di kampung. (Sebelum Berhujungnya Musim Bunga, 1972:8)

Domain Mengenali Emosi Orang Lain Terdapat Elemen kecerdasan emosi empati, iaitu memahami dan merasai perasaan orang lain dan memberi perhatian dengan jujur seperti yang digambarkan dalam novel Selamat Datang Adzie Farahah; "A,a ini pengalaman pertama yang tentunya pahit bagi Adzie. Kak Shidah pernah juga merasa kena skop dahulu. Tahulah Kak Shidah betapa perasaan Adzie sekarang. Lain kali Adzie, kalau hendak bertanya sesuatu yang eksklusif jangan di hadapan wartawan lain. Kalau Adzie buat juga begitu, pakai gigit jarilah jawabnya."Rashidah seorang yang amat memahami perasaan Adzie kerana Rashidah pernah mengalami peristiwa yang serupa dengan Adzie. Rashidah telah memberikan kata-kata semangat kepada Adzie dan memberikan langkah-langkah bagi Adzie melegakan hatinya. Adzie amat berterima kasih dengan tindakan Rashidah..... Rashidah telah mendengar masalah Adzie dengan jujur kerana dia telah bersungguh-sungguh menasihati Adzie selok belok dunia kewartawanan. (Selamat Datang Adzie Farahah, 1988:24)

Domain Mengendali Perhubungan Kemahiran mengendali perhubungan ialah suatu kemahiran sosial yang dimiliki individu seperti kemahiran berkomunikasi, mengurus konflik, kebolehan memimpin dan kemampuan bekerjasama. Digambarkan suami yang merupakan insan yang boleh bersama-sama sewaktu senang ataupun susah. Haron sebagai contoh suami yang islamik dan

sentiasa memberikan nasihat kepada isternya dalam bentuk keagamaan. Haron tidak membiarkan Maimon mengalami kesedihan yang berpanjangan kerana Haron sentiasa memberikan kata-kata yang positif kepada Maimon. “Sebenarnya engkau beruntung Mon.” Maimon terkedu. Tanpa suara dipandangnya muka Haron dengan pertanyaan yang tidak dituturkan. Serahkan kata-kata dan umpat keji itu kepada-Nya. Dia akan membalas. Engkau akan jadi seperti manusia yang baru dilahirkan, bersih daripada segala dosa kerana dosa-dosa engkau dipindahkan kepada orang yang mengumpat engkau itu. Kekusutan di hati Maimon terlerai. Senyumnya masih tersimpan di dalam peti hati. “Engkau teruskan saja seperti biasa. Ziarahi emak bila ada masa, bawa anak-anak bermain di sana. Atau sediakan masa khusus ke rumah emak supaya dia tidak terasa diabaikan dan sekali gus hubungan engkau dengannya semakin rapat.” Haron menyuntik semangat kental, membunuh kuman-kuman kekecewaan di jiwa Maimon. “Sama sekali tidak. Itulah kewajipan seorang anak. Sebagai suami aku merelakan. Aku memberi izin engkau menziarahi emak selalu, bila-bila masa sahaja.” (Hujan Sudah Teduh, 2004:59)

KESIMPULAN

Aspek emosi dalam Kesusasteraan sememangnya mempunyai pengaruh yang besar dalam penghayatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Individu yang cemerlang emosinya sudah tentu akan mengetahui sesuatu perkara tentang nilai baik dan buruk apabila melakukan sebarang tindakan. Hal ini disebabkan dalam kesusasteraan, para pelajar telah diasah kecerdasan emosi untuk menilai satu-satu peristiwa yang terdapat dalam plot penceritaan. Malah, Mayer, Caruso dan Salovey (1999) (dlm Mohd Azar Abd Hamid, 2004:216), menyatakan bahawa kecemerlangan individu bergantung kepada kecerdasan emosinya, dengan kata lain seseorang yang memiliki kecerdasan intelek menjadi lebih cemerlang apabila dia juga memiliki kecerdasan emosi kerana kecerdasan intelek sahaja tidak dapat menjamin kecemerlangan

seseorang individu itu. Justeru, cadangan untuk memasukkan aspek kecerdasan emosi dalam mana-mana mata pelajaran lebih-lebih lagi mata pelajaran bahasa dan sastera seharusnya diketengahkan kerana aspek kecerdasan emosi membantu emosi pelajar untuk mengenali emosi sendiri, mengatur emosi, memotivasi emosi negatif, mempunyai empati dan sentiasa mengendalikan perhubungan yang baik. Sudah tentu aspek kebejatan sosial dalam kalangan pelajar dapat dikurangkan kerana di sekolah, para pelajar telah dilatih emosinya untuk berfikir secara waras dan mengikut logik akal.

RUJUKAN

- A.B Aziz Yusof (2007). *Keinsanan dalam pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. AB.
- A.Ghani Abdullah & Abd. Rahman Abd. Aziz (2009). *Mengurus tingkah laku pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz & Abdul Rashid Mohamed (2007). *Humor dalam pengajaran*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya, Abdul Rashid Mohamed & Abd. Ghani Abdullah (2007). *Guru sebagai pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Muhammad Zin (1999). *Psikologi dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Afifi Ahmad. (2005). *Membina impian daripada angan-angan menjadi cita-cita*. Bentong: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Aziz Yusof (2009). *Pembangunan modal insan teras pendidikan negara*. Sintok: Penerbit UUM, Malaysia.
- Azizi Yahya & Jaafar Sidek Latif (2006). *Membentuk identiti remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani (2008). *Panduan penulisan kreatif: karya nan indah untuk semua*. Kuala Lumpur: Al-ameen serve Holdings.

- Hery Wibowo (2007). *Fortune favors the ready*. Bandung: OASE Mata Air Makna.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). *Sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- M.Darwis Hude. (2006). *Emosi penjelajahan religio-psikologis tentang emosi manusia di dalam al-Quran*. Jakarta: Erlanga.
- Mana Sikana (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. (Peny), Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mersino Anthony (2007). *Emotional intelligence for project manages: the people skills you need to*. Broadway, New York: Amacom Books.
- Micheal Lewis, Jeanette M. Haviland-Jones & Lisa Feldman Barret (2008). *Handbook of emotions*. New York: The Guilford Press
- Mohd Azhar Abd. Hamid (2004). *Panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. (Ed.)Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Ismail Othman (2008). *Undang-undang untuk pengetua & guru besar*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salhah Abdullah (2009). *Kecerdasan pelbagai-aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Akmam Syed Zakaria (2005). *Panduan dan strategi motivasi diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sohaimi Abdul Aziz (1998). *Membentuk kecerdasan emosi kanak-kanak*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sufean Hussin, Shahril @Charil Marzuki, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Habib Md. Som & Alina Rane (2005). *Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.